



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**INDEKS JUALAN RUNCIT  
DAN  
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN  
SUKU TAHUN KEEMPAT 2022**

*RETAIL SALES INDEX  
AND  
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
FOURTH QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN  
SUKU TAHUN KEEMPAT 2022**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA: PRESTASI JUALAN RUNCIT MENINGKAT PADA SUKU TAHUN KEEMPAT 2022 TAHUN-KE-TAHUN BERIKUTAN PENINGKATAN PERMINTAAN DOMESTIK**

1. Pada suku tahun keempat (Q4) 2022, prestasi jualan runcit mencatatkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 2.7 peratus dengan anggaran nilai meningkat daripada BND429.4 juta kepada BND440.9 juta. Dari segi volum jualan, ianya juga mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 2.1 peratus tahun-ke-tahun.
2. Peningkatan jualan runcit didorong terutamanya oleh peningkatan jualan Buku, Suratkhobar dan Alat Tulis di kedai khusus sebanyak 46.2 peratus, diikuti dengan peningkatan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut 39.8 peratus; jualan di Stesen Minyak 33.7 peratus; jualan di Pasaraya 3.6 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka 3.5 peratus. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan permintaan domestik selaras dengan pengurangan langkah-langkah pengawalan berikutan tamatnya sekatan-sekatan COVID-19 berbanding pada suku tahun keempat (Q4) 2021.
3. Perkhidmatan makanan dan minuman telah meningkat sebanyak 39.1 peratus berbanding suku tahun keempat (Q4) 2021 dengan anggaran hasil jualan meningkat daripada BND78.2 juta kepada BND108.8 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 33.3 peratus tahun-ke-tahun.

4. Peningkatan hasil jualan makanan dan minuman adalah terutamanya disebabkan oleh Aktiviti Perkhidmatan Katering yang meningkat sebanyak 71.6 peratus, diikuti dengan Restoran 45.8 peratus; Kedai Makanan Segera 37.9 peratus; Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan 6.6 peratus; dan Aktiviti Penyajian Minuman 1.4 peratus.
5. Berbanding dengan suku tahun ketiga (Q3) 2022, nilai dan volum jualan runcit pada suku tahun keempat (Q4) 2022 mencatatkan peningkatan. Nilai jualan runcit telah meningkat sebanyak 2.6 peratus terutamanya didorong oleh peningkatan jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi sebanyak 36.7 peratus; jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut 12.4 peratus; jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus 8.7 peratus; jualan di Pasaraya 3.8 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka 3.1 peratus.
6. Manakala bagi perkhidmatan makanan dan minuman pula, ianya telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus pada suku tahun keempat (Q4) 2022 berbanding suku tahun ketiga (Q3) 2022 terutamanya didorong oleh peningkatan hasil jualan bagi Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan sebanyak 3.2 peratus; dan Restoran 2.5 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX**  
**FOURTH QUARTER 2022**

**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**HEADLINE: THE PERFORMANCE OF RETAIL SALES INCREASED IN THE FOURTH QUARTER OF 2022 YEAR-ON-YEAR WITH THE RISE OF DOMESTIC DEMAND**

1. *In the fourth quarter (Q4) 2022, the performance of the retail sales recorded a year-on-year increase of 2.7 per cent with an estimated value increased from BND429.4 million to BND440.9 million. In terms of volume, the retail sales also recorded a positive growth of 2.1 per cent year-on-year.*
2. *The increase in retail sales was mainly driven by an increase in sales of Books, Newspapers and Stationery in specialized stores by 46.2 per cent, followed by sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear 39.8 per cent; sales at Petrol Station 33.7 per cent; sales at Supermarket 3.6 per cent; and sales at Department Store 3.5 per cent. The increase was due to the rise in domestic demand in line with the reduction in control measures following the cessation of the COVID-19 restrictions as opposed to the fourth quarter (Q4) in the previous year.*
3. *Food and beverages services has increased by 39.1 per cent compared to Q4 2021 with an estimated sales revenue increased from BND78.2 million to BND108.8 million. In terms of volume, food and beverages activity also recorded a positive growth of 33.3 per cent year-on-year.*
4. *The increase in sales revenue of food and beverages was mainly attributed by the increase in Catering Service Activities by 71.6 per cent, followed by Restaurants 45.8 per cent; Fast-food Outlets 37.9 per cent; Other Food Service Activities 6.6 per cent; and Beverage Serving Activities 1.4 per cent.*

5. *Compared to the third quarter (Q3) 2022, the retail sales value and volume in Q4 2022 recorded an increase. The retail sales value has increased by 2.6 per cent mainly driven by an increase in the sales of Computer and Telecommunications Equipment by 36.7 per cent; sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear 12.4 per cent; sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores 8.7 per cent; sales at Supermarket 3.8 per cent; and sales at Department Store 3.1 per cent.*
  
6. *As for the food and beverage services, it has recorded an increase of 1.3 per cent in Q4 2022 compared to Q3 2022 mainly boosted by the increase in sales revenue of Other Food Service Activities by 3.2 per cent; and Restaurants by 2.5 per cent.*
  
7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provides an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*